



Tahniah & Selamat Datang

Bismillah
Assalamualaikum wrt wbr, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya maka Berita@UTeM Keluaran Khas Edisi Minggu Haluan Siswa (MHS) ini dapat diterbitkan dengan penuh informasi. Semoga dengan penerbitan edisi khas ini, ia memberi rangsangan dan mukadimah awal untuk pelajar baru.

Di kesempatan ini, saya mewakili pihak Pengurusan Tertinggi dan warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kedatangan pelajar baru Semester 1, sesi 2011/2012 yang memilih UTeM untuk meneruskan pengajian.

Untuk makluman, para pelajar baru akan mengikuti Program Minggu Suai Kenal yang menjadi kebiasaan dilalui oleh pelajar baru yang bakal bergelar Mahasiswa & Mahasiswi. Ia merupakan permulaan bagi pelajar baru untuk memahami elemen penting yang membezakan rutin harian sebagai pelajar sekolah berbanding dengan pelajar di Universiti.

Selain itu, program MHS juga mendedahkan pelajar kepada aspek kepimpinan, skil berkomunikasi, disiplin, adaptasi dan penyelesaian Problem Base Learning yang menerapkan sikap kerjasama dan proses kenal mengenali antara satu sama lain.

Semoga langkah ke UTeM, akan membuka lembaran baru dalam proses menimba pengalaman paling bermakna. Sebagai permata kepada Universiti, anda semua perlu melihat perkembangan global semasa dengan penuh keyakinan dan azam yang tinggi. Anda semua mempunyai daya dan kekuatan. Tiada noktah dalam merencana kegemilangan dan kejayaan. Berusaha dan bertindak untuk membawa bersama-sama cita-cita untuk menyulam kejayaan demi Negara, bangsa, agama dan Keluarga. Tonjolkan kebijaksanaan dan bakat yang ada untuk disalurkan kepada Universiti, sama ada akademik, kepimpinan, sukan, kebudayaan dan kesenian.

Akhir kata, semoga peluang yang diberikan tidak dipersia-siakan oleh pelajar baru dan seterusnya merealisasikan hasrat melahirkan "Mahasiswa Universiti Teknikal" yang cemerlang berlandaskan misi dan visi Universiti. Sekali lagi, ucapan Tahniah kerana terpilih ke UTeM dan selamat menjalani Minggu Haluan Siswa.



PROFESOR DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



AHMAD SAUFI BIN AHMAD JAWAHIR
Yang Di-Pertua
Majlis Perwakilan Pelajar

Assalamualaikum dan selamat sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah atas limpah dan kurniaan-Nya yang memberikan peluang untuk meneruskan kehidupan dengan kesihatan dan keselamatan yang diberikan. Tahniah atas kejayaan semua pelajar yang telah melayakkan diri ke menara gading Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

UTeM merupakan universiti teknikal yang pertama di Malaysia dan seharusnya kita bersyukur dan bangga atas kejayaan kita menjajakkan kaki di sini.

Kami selaku Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertindak sebagai organisasi yang membantu para pelajar untuk kebajikan dan pembangunan pelajar. Semoga hubungan antara para pelajar dengan pihak MPP sentiasa terjalin bagi mencapai persefahaman dan matlamat yang sama.

Semoga dengan pengajaran dan pembelajaran anda di sini akan mencapai matlamat universiti dalam melahirkan modal insan yang berbakti kepada bangsa dan negara. Akhir kata dari saya, selamat menjalani pengajian di UTeM dan semoga berjaya kelak.

ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

Assalamualaikum dan selamat sejahtera

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua mahasiswa baru program Ijazah Sarjana Muda kerana telah berjaya terpilih untuk melanjutkan pengajian di IPTA teknikal pertama di Malaysia.

Terima kasih kerana menjadikan UTeM pilihan anda, di sinilah impian bermula untuk membina kerjaya yang hebat. Insyaa-Allah.

Pejabat HEPA mewujudkan suasana Masyarakat Penyayang (Caring Society) di kalangan mahasiswa UTeM. Oleh itu, pengurusan HEPA mengambil pendekatan yang berfokuskan pelajar iaitu pelaksanaan aktiviti yang "Berorientasikan Pelajar serta Mesra Pelajar".

Pelbagai program bakal dilaksanakan sebagai satu pembangunan sendiri pelajar untuk menjadikan mereka insan yang seimbang. Kita ingin para pelajar berupaya membangunkan potensi diri mereka kerana sedar golongan ini merupakan pemimpin masa hadapan yang menjadi aset penting negara.

Saya berharap agar semua pelajar baru mengambil peluang yang ada untuk menambah ilmu pengetahuan di samping dapat memupuk nilai-nilai murni di sanubari masing-masing supaya lahir menjadi seorang graduan yang berilmu dan berkemahiran tinggi.



BERITA@UTeM
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

EDISI KHAS
MINGGU HALUAN SISWA





Pengurusan Tertinggi

HASAN BIN SIRUN
Pendaftar

ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Menjalankan Tugas Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor

PROF. DATO' DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

PROF. DR. MUHAMMAD GHAZIE BIN ISMAIL
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari

HAJAH FARIDAH BINTI HU MD AMIN
Ketua Pustakawan

Pegawai Kanan



PROF. MADYA DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer



PROF. MADYA DR. ZULKIFLIE BIN IBRAHIM
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik



PROF. DR. MD. RAZALI BIN AYOB
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB@SAHIBUDDIN
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi



DR. MD. NOR HAYATI BIN TAHIR
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan



DR. MARIANA BINTI YUSOFF
Dekan Pusat Bahasa & Pembangunan Insan



ABDUL WAHAB BIN HARUN
Pegawai Pejabat Pembangunan



MOHD ISA BIN MOHD DOM
Pegawai Pusat Komputer



PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI
Pegawai Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi



DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN
Pegawai Pusat Pengajaran & Pembelajaran



PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD
Dekan Pusat Pengajian Siswazah



DR. HAZMILAH BINTI HASAN
Pegawai Penerbit Universiti



PROF. MADYA DR. IZ Aidin BIN ABDUL MAJID
Pegawai Pusat Pembelajaran Berterusan



DR. RADZUAN BIN NORDIN
Pegawai Pusat Islam

Pegawai di Canselori



PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
Pegawai Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat



DR. AZIDAH BINTI SHAABAN
Pegawai Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (CRIM), Canselori



PROF. MADYA DR. CHONG KUAN ENG
Pegawai Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet), Canselori



ENGR. ZULKIFLI BIN SHARIFF
Pegawai Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan




PROF. DR. NANNA SURYANA HERMAN
Pegawai Pejabat Antarabangsa, Canselori



DR. JARIAH BINTI MOHAMAD JUOI
Pegawai Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Canselori



ZAINAL BIN BIDIN
Pegawai Pejabat Khidmat Pengurusan



UTeM SEPINTAS LALU

- Ditubuhkan pada 1 Disember 2000 dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM).
- Penjenamaan semula berlaku pada 1 Februari 2007 KUTKM ditukarkan kepada nama baru iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- UTeM mencipta sejarah sebagai universiti teknikal awam pertama di negara ini.
- **Visi :** Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia
- **Misi :** Melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketrampilan tinggi, melalui pendidikan universiti teknikal berkualiti dan bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi dengan perkongsian pintar Universiti-Industri sejajar dengan aspirasi negara
- Beroperasi di tiga buah kampus iaitu Kampus Induk di Hang Tuah Jaya, Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah dan Kampus Industri di Ayer Keroh Melaka.

SENARAI FAKULTI DI UTeM

- 1) Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
- 2) Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
- 3) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
- 4) Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- 5) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)
- 6) Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)
- 7) Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)




JUMLAH GRADUAN UTeM

Konvokesyen Pertama (2005)	Konvokesyen Kedua (2006)	Konvokesyen Ketiga (2007)	Konvokesyen Keempat (2008)	Konvokesyen Kelima (2009)	Konvokesyen Keenam (2010)
471	997	1346	1442	1591	1408

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Kebolehpasaran graduan UTeM terbukti apabila lebih daripada 80% graduan UTeM memperolehi pekerjaan dalam sektor industri berteknologi tinggi. Majoriti graduan berjaya mendapatkan pekerjaan di syarikat swasta tempatan, swasta asing dan selebihnya di sektor kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan lain-lain sektor. Pecahan graduan bekerja mengikut sektor adalah seperti berikut:



KAMPUS INDUK UTeM

Kampus Induk UTeM meliputi kawasan seluas 735 ekar terletak di Durian Tunggal, Melaka. Kampus ini berada hanya tiga minit dari tol Ayer Keroh dan lebih kurang 20 minit dari Bandar Melaka.

Di sini terdapatnya keseluruhan operasi pentadbiran seperti Canselori, Bendahari, Pendaftar serta Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Selain itu, di Kampus Induk juga terletaknya Fakulti Kejuruteraan Elektrikal (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Selain fakulti-fakulti yang disebutkan, Perpustakaan, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Kompleks Sukan dan Pusat Komputer juga berada di sini.

Pengajaran & Pembelajaran

UTeM menyediakan pelbagai kemudahan canggih seperti dewan kuliah, makmal berteknologi tinggi, makmal robotik & automasi, makmal voltan tinggi, makmal termodinamik, makmal peralatan, makmal multimedia, makmal pintar, makmal kimia dan makmal pembuatan termaju.

Dewan Siber

Terletak di Pusat Komputer, Dewan Siber menyediakan kemudahan ICT untuk para pelajar. Terdapat kira-kira 300 unit komputer disediakan untuk kegunaan pelajar. Juga terdapat dua bilik latihan yang memuatkan 40 unit komputer setiap satu. Perkhidmatan tambahan turut disediakan seperti mencetak dan komputer khusus untuk grafik dan multimedia juga disediakan. Dibuka dari Isnin hingga Jumaat (8.00 pagi – 8.00 malam)

Pusat Kesihatan Pelajar

Pusat Kesihatan Pelajar ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan perubatan yang berkesan di kalangan pelajar. Pusat sehati ini dilengkapi dengan Wad Pemerhatian, bahagian pesakit luar dan bilik perubatan kecemasan. Turut disediakan perkhidmatan ambulan bagi kes-kes kecemasan.

Kafeteria

Kafeteria UTeM menyediakan pelbagai pilihan makanan tradisional yang pelbagai untuk semua warga kampus.

Pusat Aktiviti Pelajar

Pusat Aktiviti Pelajar diuruskan oleh Pejabat HEPA bagi menyediakan ruang berinteraksi di kalangan ahli-ahli kelab, persatuan dan Majlis Perwakilan Pelajar. Bangunan tiga tingkat ini menyediakan tempat untuk latihan kebudayaan, latihan orkestra, pusat kaunseling dan ruang pameran. Koperasi UTeM Berhad, Pejabat Pos Mini dan mesin ATM turut beroperasi di sini.

Perkhidmatan Bas

Pejabat HEPA menyediakan perkhidmatan bas berhawa dingin untuk kegunaan pelajar. Perkhidmatan ini disediakan untuk perjalanan asrama pelajar ke Kampus Induk, Kampus Bandar dan Kampus Industri bermula jam 6.00 pagi hingga 11.00 malam. Perkhidmatan bas tambahan juga disediakan untuk program semester khas, peperiksaan akhir dan juga semasa cuti semester bergantung kepada aktiviti pelajar.

Kemudahan Asrama

UTeM menyediakan kemudahan asrama di tiga kolej kediaman. Setiap kolej kediaman dilengkapi dengan perabot dan dipantau oleh staf dan pengawal keselamatan.

Terdapat tujuh kolej kediaman yang disediakan iaitu :

- i. Kolej Kediaman Taman Tasik Utama 2
- ii. Kolej Kediaman Taman Tasik Utama 3
- iii. Kolej Kediaman Bunga Raya
- iv. Kolej Kediaman Murni
- v. Kolej Kediaman D'Apartment
- vi. Kolej Kediaman Mural Jaya
- vii. Kolej Kediaman Emerald
- viii. Kolej Kediaman Pulau Gadong



Masjid

Masjid ini boleh memuatkan seramai 4,000 jemaah pada satu-satu masa. Masjid ini dilengkapi dengan pejabat pentadbiran, bilik kuliah serta dewan solat utama. Senibina masjid ini bercirikan Timur Tengah di bahagian dalam manakala di bahagian luar berkonsepkan Asia.

Kompleks Sukan

Kompleks Sukan UTeM terdiri daripada sebuah stadium yang menyediakan kemudahan atletik dan padang bola yang boleh memuatkan 500 orang pada satu-satu masa. Dewan sukan pula menempatkan gelanggang badminton, bola jaring dan gimnasium. Turut disediakan ialah arena hoki, padang ragbi, gelanggang tennis, softball serta bola tampar.

Dewan Besar

Dewan Besar ini boleh memuatkan 4,000 orang pada satu-satu masa. Dewan ini digunakan untuk Majlis Konvokesyen, majlis-majlis rasmi universiti serta berfungsi sebagai dewan peperiksaan. Bangunan dua tingkat ini mempunyai ruang lobi yang luas, dewan makan serta bilik VIP.

Dewan Besar telah mencatatkan sejarah apabila mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir dan isteri menerima Ijazah Kehormat pada Majlis Konvokesyen Ke-5 tahun 2009.

Perpustakaan

Sehingga akhir tahun 2010, jumlah koleksi bahan di perpustakaan ialah 50,138 judul. Koleksi ini merangkumi bahan rujukan kejuruteraan berkaitan bidang-bidang teknikal seperti elektrikal, elektronik, kejuruteraan komputer, mekanikal, pembuatan dan ICT. Terdapat juga koleksi bidang saintifik seperti fizik, kimia, matematik serta bacaan umum.

Kemudahan WiFi

Nikmati kemudahan internet tanpa wayar melalui 'WiFi hotspots' yang disediakan di Kampus Induk, Kampus Bandar serta Kampus Industri. Melayari internet kini lebih mudah dengan perkhidmatan berkelajuan tinggi yang disediakan.

Kemudahan ini memberi kelebihan kepada mahasiswa UTeM untuk mendapatkan akses internet dengan pantas dan mudah.



UTeM IPTA Pertama Tawarkan Kursus Teknologi Kejuruteraan – Sahut Saranan Kerajaan Lahirkan Lebih Ramai Jurutera Teknologi Dalam Negara

UTeM terus mengorak langkah maju ke hadapan dalam menjalankan fungsinya sebagai pengeluar utama graduan teknikal dan kejuruteraan bagi membantu Malaysia menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi.

Selari dengan itu UTeM telah menubuhkan satu lagi fakulti baru iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) pada tahun 2011 yang memulakan pengambilan pelajar bagi fasa pertamanya pada bulan September ini.

Dijangka seramai 570 orang pelajar akan mula mendaftar diri di fakulti baru sekaligus mencipta sejarah baru buat UTeM selaku Universiti Teknikal yang pertama dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang mula melaksanakan operasi FTK.

Kejayaan penubuhan FTK bertepatan dengan aspirasi Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin bahawa Universiti Teknikal semestinya mampu melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi bagi menampung permintaan tenaga kerja professional dan berkemahiran tinggi dalam negara menjelang tahun 2020.

UTeM sedia menggalas cabaran ini berpadanan dengan kemampuan dan kredibiliti universiti selaku IPTA teknikal pertama negara dengan menawarkan 10 program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dengan Kepujian dalam pelbagai disiplin kejuruteraan.

Pengambilan pelajar bagi mengikuti kursus teknologi kejuruteraan terbuka untuk semua pelajar lepasan Matrikulasi, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), diploma dari semua IPT dalam negara serta peluang juga terbuka kepada para lepasan diploma bidang teknikal dari semua institusi teknikal dalam negara.

Kursus teknologi kejuruteraan merupakan program yang sememangnya mendapat perhatian utama pihak industri dan majikan Malaysia kerana graduan dalam bidang ini dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran serta kompeten dalam melaksanakan tugas selaku jurutera teknologi.

Bagi memenuhi matlamat tersebut, UTeM telah membentuk konsep pengajian teknologi kejuruteraan bertepatan dengan keperluan dan saranan daripada pihak industri iaitu konsep pengajian secara praktikal atau 'Hands On'.

UTeM memiliki ramai tenaga pengajar yang pakar dan berpengalaman luas dalam bidang teknologi kejuruteraan yang terdiri daripada golongan Pensyarah dan Jurutera Pengajar yang memiliki pengetahuan, kepakaran, pengalaman dan pendedahan luas dalam bidang teknologi kejuruteraan.

Manakala dari sudut fasiliti pula UTeM telah dilengkapi dengan makmal canggih dan berteknologi tinggi yang mana sebahagiannya disumbangkan oleh pihak industri dari dalam dan luar negara melalui hubungan strategik yang terjalin.

Makmal canggih dan berteknologi tinggi yang terdapat di UTeM sangat memenuhi keperluan dan berpadanan dengan kehendak semasa industri. Sekaligus keadaan ini memberi pakej lengkap buat UTeM dalam melahirkan graduan yang sememangnya bertepatan dengan keperluan semasa.

Dengan tertubuhnya FTK, maka UTeM memiliki tujuh fakulti secara keseluruhannya selain daripada enam fakulti lain yang terdiri daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan (FPTT)



10
Program
Baru Teknologi
Kejuruteraan

FAKULTI KEJURUTERAAN TEKNOLOGI (FTK)

- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian - CY31
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) dengan Kepujian - CY32
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dengan Kepujian - CY41
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian - CY42
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian - CY81
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian - CY51
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara) dengan Kepujian - CY52
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) dengan Kepujian - CY53
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Teknologi) dengan Kepujian - CY91
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian - CY92

Penyelidikan Dan Inovasi UTeM Seiring Matlamat Transformasi Negara

UTeM selaku perintis pengajian tinggi bidang teknikal di negara ini terus unggul dengan pencapaian yang cemerlang dalam penyelidikan dan inovasi. Sedekad penubuhannya melihat kematangan dari sudut penyelidikan dan inovasi yang semakin mendapat perhatian umum.

Kecemerlangan UTeM dalam bidang penyelidikan dan Inovasi diteruskan lagi melalui pencapaian gemilang ketika menyertai Malaysia Technology Expo 2011 (MTE 2011) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Pada pertandingan tersebut, penyelidik UTeM telah meraih dua pingat emas, lima perak dan 11 gangsa. Lebih membanggakan apabila salah satu produk inovasi yang merangkul emas iaitu 'My 2nd Eye' dinobatkan Anugerah Terbaik (Best Award) serta menggondol Hadiah Khas (Special Prize) oleh Asia Invention Association.

Penyelidikan dan Inovasi UTeM turut diperkasakan dengan jalinan kerjasama strategik dengan pihak industri. Melalui hubungan yang meluas, UTeM mula mendapat perhatian pihak industri antarabangsa antaranya Infineon Technologies, Honda, Muehlbauer, Western Digital serta Composites Technology Research Malaysia (CTRM) dan banyak lagi syarikat multinasional.

Bagi merealisasikan hasrat menjalankan penyelidikan bersama, beberapa siri rundingan dan perjanjian persefahaman (MoU) telah dimeterai dengan beberapa organisasi industri dan Institusi pengajian tinggi dari dalam mahupun luar negara bagi memacu penyelidikan di universiti ini.

Dalam pada itu, keunggulan UTeM dalam bidang penyelidikan turut mendapat perhatian beberapa institusi pengajian tinggi antarabangsa antaranya dari Indonesia, China dan Amerika Syarikat. Kunjungan delegasi antarabangsa ke universiti ini untuk melihat perkembangan penyelidikan UTeM membuktikan bahawa statusnya sebagai universiti teknikal pertama di Malaysia berjaya membawa pembaharuan kepada sistem pengajian yang sedia ada.

Kecemerlangan UTeM tidak terhenti setakat itu sahaja, delegasi Thurgood Marshall College Fund yang mewakili 47 institusi pengajian tinggi awam Amerika Syarikat yang melawat UTeM baru-baru ini begitu teruja melihat kemajuan penyelidikan di sini. Menurut Presiden Thurgood Marshall College Fund, Johnny Clayton Taylor Jr. berpendapat bahawa konsep aplikasi dan amalan yang diamalkan di UTeM wajar dijadikan role model oleh universiti-universiti di Amerika Syarikat.

Secara umumnya, bidang penyelidikan berfokus di UTeM telah berjaya menaikkan nama Malaysia setanding dengan negara-negara maju lain. Penerokaan Green Technology, Human Technology Interaction, System Engineering dan Emerging Technology dilihat bakal menyumbang kepada kekayaan negara melalui inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM.



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

PENOLONG KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khaifulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman
Zaffaruddin Bin Hamzah

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman



Kecemerlangan Penyelidikan Dan Inovasi UTeM 2011

ACARA	TEMPAT	PENCAPAIAN
Malaysian Technology Expo (MTE) '11	Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> Satu Anugerah Khas daripada Persatuan Inovasi Korea Satu Anugerah Terbaik 2 Pingat Emas, 5 Pingat Perak dan 11 Pingat Gangsa
39th Geneva Expo 2011	Geneva, Switzerland	<ul style="list-style-type: none"> Satu Anugerah Khas daripada Persatuan Automotif Switzerland 2 Pingat Emas, 2 Pingat Perak dan 1 Pingat Gangsa
22nd International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2011 (ITEX 2011)	Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> Satu Anugerah Khas 3 Pingat Emas, 10 Pingat Perak dan 6 Pingat Gangsa

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Hak Cipta Terpelihara
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : +606 331 6248 / 6249
Faks : +606 331 6247



Forging Ties Between Two Nations

DURIAN TUNGKAL, 17 - It has always been said that both Malaysia and Indonesia, especially people from both nations, share a common race. It is this realization that now sees a number of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) carried out a cultural exchange programme with the Universitas Eka Nusantara (UESN) of Semarang, Indonesia recently. The Malacca delegation was led by the Students Affairs and Alumni Unit, Prof. Dr. Muzlimah Ibrahim.

And over importantly, it will enable us to promote UTeM to the international market, he added. According to Marican, the objective of the programme was aimed at creating and enhancing bilateral relations between UTeM and UESN. Apart from that, he said, it was also about building both parties to exchange experience and ideas in the academic field and to introduce the cultural heritage of both countries.

UTeM IPTA Pertama Tawar Kursus Teknologi Kejuruteraan

DURIAN TUNGKAL, 17 Mac - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menawarkan kepada mahasiswa IPTA seluruh negara untuk mengikuti kursus teknologi kejuruteraan. Menurut Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof. Dr. Ahmad Yusoff Hassan, kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja IPTA dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran industri.

Kursus ini akan dijalankan di UTeM dan akan melibatkan kerjasama dengan industri. Ia akan memberi IPTA peluang untuk memperolehi pengalaman praktikal dan pengetahuan teknikal yang diperlukan dalam dunia kerja.



IT'S SO EASY

Higher Education Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin trying out an electric scooter during his visit to the university's Technical and Technological Higher Education Carnival in DATAR Taman Mawar, Pasir Gudang, Johor Baru, yesterday. — NST picture by Roslan Khamis

Persembahan teater tradisional Cina

80 pelajar UTeM giat berlatih berlakon dibantu jurulatih profesional. Persembahan ini bertujuan untuk memperkenalkan budaya tradisional Cina kepada mahasiswa UTeM.



UTeM Ketua Program Usahasama KPT & Western Digital, USA

DURIAN TUNGKAL, 25 Mac - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditunjuk sebagai ketua program usahasama antara Kumpulan Perindustrian Telekomunikasi (KPT) dan Western Digital, USA. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti teknologi dan inovasi di UTeM.

UTeM Rangka Pelan Strategik Cipta Keunggulan Universiti Teknikal

DURIAN TUNGKAL, 17 Mac - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah merangka pelan strategik untuk meningkatkan keunggulan universiti. Pelan ini akan memfokuskan pada inovasi, penyelidikan, dan kerjasama dengan industri.

62 Anggota Kor Suksis UTeM Jalani Latihan Cegah Jenayah

62 anggota Kor Suksis UTeM telah menjalani latihan cegah jenayah. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran mereka dalam menangani situasi kecemasan dan jenayah.

Kakitangan UTeM tawan Gunung Kinabalu

MELAKA 10 Mal - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya menawan Gunung Kinabalu. Kakitangan UTeM telah menghabiskan masa beberapa hari untuk mendaki gunung tertinggi di Sabah ini.

UTeM jalin kerjasama dengan kolej AS

DURIAN TUNGKAL, 17 Mac - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjalin kerjasama dengan beberapa kolej di Amerika Syarikat. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan di UTeM.

Berkongsi Pengalaman Pengembaraan Ke Angkasa Lepas

Pelajar Baru UTeM Dapat Suntikan Semangat Dari Angkasawan Negara. Pelajar-pelajar baru UTeM telah diinspirasikan oleh pengalaman pengembaraan ke angkasa lepas oleh angkasawan negara.

Imagine Cup boosts students innovations, creativity

Imagine Cup telah meningkatkan inovasi dan kreativiti pelajar-pelajar UTeM. Melalui pertandingan ini, pelajar-pelajar UTeM telah menunjukkan kemahiran mereka dalam membangunkan penyelesaian teknologi.

UTeM Ketuai Program Usahasama KPT & Western Digital, USA

UTeM telah ditunjuk sebagai ketua program usahasama antara KPT dan Western Digital, USA. Program ini akan melibatkan kerjasama antara UTeM, KPT, dan Western Digital untuk meningkatkan teknologi dan inovasi.

UTeM Rangka Pelan Strategik Cipta Keunggulan Universiti Teknikal

UTeM telah merangka pelan strategik untuk meningkatkan keunggulan universiti. Pelan ini akan memfokuskan pada inovasi, penyelidikan, dan kerjasama dengan industri.

62 Anggota Kor Suksis UTeM Jalani Latihan Cegah Jenayah

62 anggota Kor Suksis UTeM telah menjalani latihan cegah jenayah. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran mereka dalam menangani situasi kecemasan dan jenayah.

UTeM & Lotus Engineering Teroka Peluang Penyelidikan Bersama

UTeM dan Lotus Engineering telah berkolaborasi untuk meneroka peluang penyelidikan bersama. Projek ini akan melibatkan kerjasama antara UTeM dan Lotus Engineering untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan inovasi.

UTeM cipta kincir air mampu jana tenaga

UTeM telah mencipta kincir air yang mampu menghasilkan tenaga. Projek ini menunjukkan kemahiran pelajar-pelajar UTeM dalam membangunkan penyelesaian teknologi yang inovatif.

Bagi Menampung Keperluan Industri Teknikal Tinggi Negara UTeM Sasar 15,000 Jurutera Teknikal Tinggi Menjelang 2015

UTeM menargetkan untuk menghasilkan 15,000 jurutera teknikal tinggi menjelang tahun 2015. Ini adalah untuk menampung keperluan industri yang semakin meningkat di negara ini.

Anugerah Kategori Komuniti Karnival Malaysia Inovatif 2010 Produk Penyelidikan UTeM Muncul Johar

Produk penyelidikan UTeM telah memenangi anugerah kategori Komuniti Karnival Malaysia Inovatif 2010. Ini menunjukkan kualiti dan kreativiti produk penyelidikan UTeM.

UTeM pamer kualiti melalui Bakti Siswa

UTeM telah memamerkan kualiti melalui program Bakti Siswa. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan UTeM.

Raih 20 pingat pertandingan ITEX 2011 di Kuala Lumpur UTeM menang produk inovasi

UTeM telah meraih 20 pingat dalam pertandingan ITEX 2011 di Kuala Lumpur. UTeM menang produk inovasi, menunjukkan kualiti dan kreativiti produk penyelidikan UTeM.

UTeM Ketua Program Usahasama KPT & Western Digital, USA

UTeM telah ditunjuk sebagai ketua program usahasama antara KPT dan Western Digital, USA. Program ini akan melibatkan kerjasama antara UTeM, KPT, dan Western Digital untuk meningkatkan teknologi dan inovasi.

UTeM Rangka Pelan Strategik Cipta Keunggulan Universiti Teknikal

UTeM telah merangka pelan strategik untuk meningkatkan keunggulan universiti. Pelan ini akan memfokuskan pada inovasi, penyelidikan, dan kerjasama dengan industri.

62 Anggota Kor Suksis UTeM Jalani Latihan Cegah Jenayah

62 anggota Kor Suksis UTeM telah menjalani latihan cegah jenayah. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran mereka dalam menangani situasi kecemasan dan jenayah.

UTeM & Lotus Engineering Teroka Peluang Penyelidikan Bersama

UTeM dan Lotus Engineering telah berkolaborasi untuk meneroka peluang penyelidikan bersama. Projek ini akan melibatkan kerjasama antara UTeM dan Lotus Engineering untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan inovasi.

UTeM cipta kincir air mampu jana tenaga

UTeM telah mencipta kincir air yang mampu menghasilkan tenaga. Projek ini menunjukkan kemahiran pelajar-pelajar UTeM dalam membangunkan penyelesaian teknologi yang inovatif.

Melestarikan Budaya Inovasi Komuniti Berinovasi